

# Harga barangan keperluan terkawal - Muhyiddin

Oleh FAUZIAH AROF

**SHAH ALAM** 15 Okt. - Harga barangan keperluan untuk perayaan seperti ayam, daging dan sayur-sayuran dijamin terkawal menjelang Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri dengan bekalannya mencukupi berikutan pertambahan stok melalui peningkatan hasil pertanian.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pengguna juga dapat menikmati harga yang lebih rendah apabila beberapa barangan keperluan mengalami penurunan sehingga 20 peratus.

Bagaimanapun, jelasnya, penurunan harga barangan tersebut tidak pula merugikan peniaga kerana permintaannya banyak.

"Pengguna tidak perlu bimbang kerana harga sayur-sayuran juga rendah manakala harga cili pula berada di bawah paras harga siling," katanya pada majlis pelancaran Pasar Tani Khas Aidilfitri dan Deepavali 2006 di tapak Pasar Tani Mega, Stadium Shah Alam di sini hari ini.

Minggu lain, harga sekilogram cili ialah RM7.10 manakala sepanjang minggu ini mengalami penurunan iaitu RM6.60.

Dalam pada itu, labu manis; lobak, bayam dan kobis bunga turut mengalami penurunan sebanyak 12 peratus.

"Bagaimanapun, harga buah pitaya dari tembikai meningkat sebanyak 40 sen," tambah Muhyiddin.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, masyarakat beragama Islam dan Hindu berpeluang membuat persiapan menjelang perayaan masing-masing tidak lama lagi di 61 pasar tani khas di seluruh negara bermula 19 hingga

23 Oktober ini'.

Pasar tani khas itu melibatkan 3,290 peserta dan menawarkan bekalan keperluan bahan keperluan seperti daging, ayam dan sayur-sayuran serta barangan siap dan juadah Aidilfitri seperti lemang, ketupat, rendang dan kuih muih.

Pada sidang akhbar selepas itu, Muhyiddin berkata, kementeriannya berharap kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan memberi kerjasama dalam mendapatkan lokasi sesuai dan strategik untuk dijadikan tapak pasar tani kekal.

Tambahnya, kementerian tersebut turut mengalu-alukan pemilik tanah sama ada individu atau swasta yang berminat untuk memajakkan tanah pada jangka masa panjang antara 10 dan 20 tahun bagi membolehkan tapak pasar tani kekal diadakan.

"Kementerian akan berbincang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengenai bagaimana untuk mencari tapak pasar tani yang lebih strategik dan tetap.

"Pada masa sekarang, peniaga di pasar tani terpaksa berniaga di tapak sementara dan sekiranya tapak berkenaan dibangunkan, mereka perlu dipindahkan ke tapak lain," jelasnya.

Muhyiddin berkata, kementeriannya juga mengalu-alukan pihak swasta yang berhasrat menyediakan tapak pasar tani tetap untuk peniaga pasar tani dengan kadar sewa yang rendah.